

Saliran bermasalah milik JPS

MPK sedia beri kerjasama selesai punca banjir

RANTAU PANJANG - Pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan merujuk sistem saliran bermasalah di Sungai Saim kepada Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) berikutan ia di bawah seliaan jabatan itu.

Ahli MPK Zon N44(C) kawasan Rantau Panjang, Robert Choo Teck Keong berkata, tanah di sekitar sistem saliran itu bukan milik MPK seperti didakwa penduduk yang juga mangsa.

Menurutnya, pada awalnya sistem saliran itu dipercayai bawah seliaan MPK bagaimana pun selepas siasatan dibuat ternyata ia milik JPS.

"Berdasarkan ukuran, kita anggarkan sistem saliran itu selebar dalam 20 kaki. Tumbuhan

liar yang memenuhi kawasan itu adalah antara penyebab aliran air terganggu.

"Selain itu kita dapati saliran semakin cetek kerana dasarnya dipenuhi lumpur dipercayai sudah lama tidak didalamkan," katanya ketika turun ke lokasi aduan bersama wakil Jabatan Perkhidmatan Persekitaran (JPP) MPK.

Dalam pada itu, beliau berkata, pengadu juga mendakwa sejak menghuni kediaman di situ, saliran itu hanya diselenggara sebanyak dua kali oleh pihak berkenaan.

"Ekoran proses penyelenggaraan dilakukan tidak mengikut jadual, sistem itu kembali bermasalah.

"Kita simpati dengan nasib beberapa keluarga yang tinggal

berdekatan saliran itu yang terpaksa berhadapan banjir dan rumah dinaiki air.

"Justeru, kita akan bantu penduduk dengan merujuk perkara ini kepada JPS untuk tindakan lanjut," katanya.

Tambahnya, perkara itu akan dimaklumkan dalam masa terdekat untuk tindakan segera bagi memastikan kejadian sama tidak berulang.

Dalam laporan *Sinar Harian* lalu, satu daripada lima keluarga yang tinggal berdekatan sistem saliran itu berhadapan banjir.

Mereka menggesa pihak berkenaan menyelenggara sistem saliran itu yang didakwa sekian lama terbiar hingga menghalang aliran air ke kunci air berdekatan.



Robert bersama penduduk, Mohd Salleh Abdul Hamid ketika meninjau parit bermasalah yang didakwa punca banjir.